

Transformasi digital

APAKAH yang dikatakan dengan transformasi digital?
- Mohd, Johor.

Pada hari ini, transformasi digital menjadikan satu perkara yang sangat penting bagi semua jenis organisasi terutama sekali organisasi yang berasaskan perniagaan.

Perkara ini dapat dilihat dengan jelas menerusi penetapan dasar-dasar, perbincangan panel, artikel, kertas kerja dan kajian dalam bagaimana sesebuah perniagaan itu menjadi kekal berdaya saing dalam dunia hari ini yang semakin hari menjadi atau berubah bentuk kepada bentuk digital.

Apakah itu transformasi digital? Terma ini agak umum pengertiannya dan menjadi sukar untuk memberikan satu definisi yang menepati kehendak bagi semua pihak.

Namun begitu, secara umumnya, model ini merujuk kepada percampuran antara penggunaan teknologi digital bersama-sama dengan operasi perniagaan bagi sesebuah organisasi.

Natijahnya yang paling penting adalah perhidmatan perniagaan kepada pengguna wujud dalam bentuk digital.

Selain itu, perubahan budaya perniagaan ini menuntut organisasi bersedia secara berterusan untuk sentiasa mencabar *status quo*, kerap bereksperimen dan menjadikan kegagalan satu strategi penting untuk masa hadapan.

Antara perkara yang perlu diambil kira oleh sesebuah organisasi dalam untuk mengamalkannya adalah seperti berikut.

1 Transformasi digital menjadi gaya perniagaan semasa yang sedang berkembang pengamalannya dalam kalangan banyak organisasi. Oleh itu, sekiranya pihak pesaing atau organisasi lain beralih arah ke arah tersebut, maka, organisasi lain perlu melaksanakannya untuk turut sama kekal bersaing

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

mendapat keuntungan dalam pasaran.

2 Pada masa kini, kebanyakan pengguna mengamalkan budaya digital dengan penggunaan gadget dan aplikasi. Oleh itu, transformasi digital akan memudahkan urusan yang berlaku antara pengguna dengan organisasi dan memberi kepuasan hati kepada pengguna.

3 Penggunaan persekitaran dan alat digital berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi perniagaan bagi sesebuah organisasi.

Secara tidak langsung daripada apa yang dibincangkan sebelum ini, transformasi digital ini berupaya meningkatkan keuntungan bagi sesebuah organisasi dengan peningkatan kecekapan dan keberkesanan dalam operasi perniagaan seperti pengurusan sumber dan penjualan.

Elemen yang menjadi tonggak utama dalam pelaksanaan transformasi digital ini adalah seperti integrasi teknologi digital, keberkesanan tenaga kerja, ketangkasan operasi, pembudayaan dan kepimpinan, dan pengalaman pengguna.

Kerajaan Malaysia juga sedang beralih arah dengan menggunakan konsep transformasi digital ini dengan pelbagai insentif dan model baru diperkenal.

Antaranya termasuklah negara kita beralih arah dari konsep kerajaan elektronik (e-kerajaan) yang menjadikan negara sebagai kerajaan berinformasi kepada satu konsep yang lebih meliputi dan berkesan iaitu kerajaan digital.